

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]**

**TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah perincian kos operasi yang dibayar kepada NAFAS bagi tujuan pengendalian benih padi memandangkan harga benih padi subsidi telah naik RM7 dari RM28 kepada RM35.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum 1 Januari 2021, Kerajaan hanya menetapkan harga jualan pengeluar benih padi sah secara bersubsidi sebanyak RM28 setiap beg (20 kilogram benih padi) di pintu kilang sahaja secara tanpa kawalan pembelian. Dalam hal ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mendapati bahawa manipulasi harga benih padi sah oleh agen-agen tertentu atau orang tengah termasuk tindakan menyorokkan stok setiap kali musim penanaman padi mengakibatkan harga jualan akhir di peringkat pesawah tidak dapat dikawal dan melonjak sehingga sekitar RM33 hingga RM60 setiap beg.

Perkara sedemikian merupakan sesuatu yang tidak wajar dibenarkan sama sekali memandangkan Insentif Benih Padi Sah (IBPS) telah diberikan oleh Kerajaan. Oleh yang sedemikian, mulai 1 Januari 2021, MAFI telah mengambil inisiatif melaksanakan mekanisme penetapan harga siling benih padi sah di paras maksimum sebanyak RM35 per beg (20 kilogram). Pendekatan ini adalah bagi mengawal harga di peringkat runcit bagi memastikan harga jualan akhir di peringkat pesawah tidak dimanipulasi oleh mana-mana pihak apabila sampai kepada pesawah sekaligus memastikan kepentingan pesawah terus terpelihara.

Maka, dakwaan harga benih padi sah bersubsidi telah naik RM7 daripada RM28 kepada RM35 adalah tidak tepat jika meneliti kepada konteks realiti sebenar di lapangan kerana tanpa penetapan harga siling tersebut, harga jualan akhir di peringkat pesawah dalam banyak keadaan adalah jauh lebih tinggi dan merugikan pesawah.

Penetapan harga siling di paras maksimum sebanyak RM35 per beg yang telah dibuat adalah munasabah buat masa ini dengan mengambil kira pelbagai faktor di semua peringkat pengeluaran dan pengedaran. Antara faktor yang diambil kira adalah kos-kos bagi belian bekalan benih daripada pesawah dan pengeluar, pembungkusan khas

## SOALAN NO: 50

dan pembangunan kod penjejakan (*tracing*), logistik, pengangkutan dan penyimpanan serta kos pengurusan berkaitan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang perlu dibiayai oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) memandangkan NAFAS dikehendaki memastikan bekalan benih padi sah tersebut disimpan sebaiknya sehingga sampai ke peringkat pesawah pada masa yang ditetapkan. Pada masa yang sama, NAFAS juga telah diminta untuk menyerap sebarang kos-kos tambahan sekiranya ada bagi melancarkan proses pembekalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, apabila MAFI membuat keputusan untuk melibatkan NAFAS dalam pengedaran pembekalan benih padi sah, matlamat utamanya adalah untuk melicinkan sistem pengedaran benih padi sah bagi memastikan benih padi sah berkenaan dapat disampaikan kepada pesawah secara lebih cekap dan pada kos yang munasabah. Hal sedemikian adalah kerana saban tahun isu pengedaran dan pembekalan benih padi sah membabitkan pelbagai manipulasi di peringkat rantai bekalan selain daripada isu kualiti benih padi itu sendiri.

Penglibatan NAFAS diharap dapat menambahbaik pengedaran dan pembekalan benih padi sah memandangkan NAFAS sendiri merupakan gabungan induk daripada persatuan peladang termasuk pesawah dan telah mempunyai jaringan (*networking*) yang amat baik dan sistematik di peringkat akar umbi. Maka, hak pengedaran telah diberikan kepada NAFAS sehingga 30 Jun 2021 bagi memberi ruang kepada MAFI untuk meneliti dan melaksanakan proses penambahbaikan kepada sistem yang sedia ada.

Pendekatan yang diambil ini sehingga kini berjaya mengekang aktiviti manipulasi harga berdasarkan kepada kurangnya laporan aduan yang diterima. Tindakan tegas juga akan diambil terhadap mana-mana pihak yang cuba untuk memanipulasikan harga benih padi sah di lapangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]**

**TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan : -

- (a) perincian dan jumlah wang yang Kerajaan telah belanjakan sepanjang tempoh masa Proklamasi Darurat; dan
- (b) jumlah suntikan fiskal yang diperlukan untuk baki tahun kewangan penuh 2021.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setakat 31 Ogos 2021, iaitu berakhirnya tempoh darurat, sejumlah 207 bilion ringgit telah dibelanjakan. Ini merangkumi 146.5 bilion ringgit dibelanjakan di bawah anggaran perbelanjaan mengurus (atau OE) dan sejumlah 40 bilion dibelanjakan di bawah anggaran perbelanjaan pembangunan (atau DE) Kerajaan Persekutuan. Manakala sejumlah 20.5 bilion ringgit telah dibelanjakan di bawah Kumpulan Wang Covid-19 (atau KWC).
2. Perbelanjaan OE, DE dan KWC ini merupakan sebahagian daripada Belanjawan 2021 bernilai RM322.5 bilion dan dibuat berdasarkan kepada peruntukan yang telah diluluskan oleh Parlimen di bawah Anggaran Perbelanjaan Persekutuan bagi tahun 2021.

Sehubungan itu, tiada perbelanjaan tambahan telah dibuat di bawah OE atau DE semasa tempoh darurat yang perlu dibentangkan di Dewan Rakyat kerana ianya menggunakan peruntukan semasa yang telah diluluskan bagi tahun 2021.

3. Selain itu, Kerajaan telah meluluskan ordinan semasa tempoh darurat yang membolehkan perbelanjaan tambahan diluluskan oleh Kementerian Kewangan tanpa di bentangkan kepada Parlimen. Namun demikian, ordinan tersebut tidak digunakan untuk tahun 2021 tetapi hanya digunakan untuk meluluskan perbelanjaan tambahan 2020.
4. Di samping perbelanjaan OE dan DE, Kerajaan juga telah membiayai langkah pakej rangsangan melalui KWC. Parlimen telah meluluskan pindaan siling KWC pada 31 Disember 2020 sehingga 65 bilion ringgit dan setakat 31 Ogos 2021, perbelanjaan terkumpul sejak penubuhan KWC adalah berjumlah 58.8 bilion ringgit.
5. Walaubagaimanapun, berdasarkan Kenyataan Pra Bajet 2022, Kerajaan telah menyusun semula keperluan perbelanjaan daripada RM322.5 bilion kepada RM314.5 bilion agar selari dengan perancangan Kerajaan dan prestasi pertumbuhan ekonomi dan kutipan hasil. Justeru, mengambil kira keperluan tambahan untuk membantu rakyat yang terjejas dan menyokong kelangsungan perniagaan, Kerajaan akan membentangkan ke Parlimen dalam penggal ini untuk meningkatkan siling KWC untuk membiayai bantuan dan sokongan tambahan bagi tahun ini dan selanjutnya.
6. Untuk makluman Yang Berhormat, baki suntikan fiskal yang akan dibelanjakan daripada bulan September sehingga akhir tahun 2021 adalah berjumlah 107.8 bilion ringgit yang merangkumi OE sebanyak 73.1 bilion ringgit, DE 28.2 bilion ringgit dan KWC 6.5 bilion ringgit.

Sekian, terima kasih.